



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN DEMOGRAFI MALAYSIA, SUKU TAHUN KEEMPAT 2024

KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK MENURUN KEPADA 1.3 PERATUS SEIRING DENGAN PENURUNAN BILANGAN KELAHIRAN 5.6 PERATUS PADA SUKU TAHUN KEEMPAT 2024

PUTRAJAYA, 13 FEBRUARI 2025 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data kelahiran hidup, kematian dan penduduk bagi suku tahun keempat 2024.

Mengulas laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Penduduk Malaysia pada suku tahun keempat 2024 dianggarkan 34.2 juta berbanding 33.7 juta pada suku tahun keempat 2023 dengan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 1.3 peratus berbanding 2.0 peratus (ST4 2023). Kadar pertumbuhan penduduk menurun seiring dengan penurunan bilangan kelahiran hidup. Jumlah penduduk terdiri daripada 30.8 juta (90.1%) Warganegara dan 3.4 juta (9.9%) Bukan Warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 18.0 juta daripada 17.7 juta pada suku tahun keempat 2023 dan penduduk wanita meningkat kepada 16.2 juta daripada 16.0 juta dalam tempoh yang sama. Nisbah jantina keseluruhan penduduk ialah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala nisbah jantina bagi Warganegara ialah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) dan penduduk tua (65 tahun dan lebih) masing-masing meningkat daripada 23.6 juta (70.0%) dan 2.5 juta (7.6%) kepada 24.0 juta (70.2%) dan 2.6 juta (7.7%) pada suku tahun keempat

2024. Sementara itu, penduduk umur muda (0-14 tahun) merekodkan penurunan daripada 22.4 peratus kepada 22.2 peratus”.

Melayu menyumbang 58.1 peratus daripada jumlah penduduk pada suku tahun keempat 2024 (ST4 2023: 58.0%). Penduduk etnik India menurun kepada 6.5 peratus berbanding 6.6 peratus, sementara Bumiputera Lain dan etnik Cina kekal tidak berubah iaitu masing-masing dengan 12.3 peratus dan 22.4 peratus pada tempoh yang sama. Bumiputera Lain terdiri daripada Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan Bumiputera Semenanjung Malaysia lain. Bumiputera Sabah menyumbang 56.6 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) dan Bumiputera Sabah lain (36.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (32.4%) terdiri daripada Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (13.2%).

Ketua Perangkawan turut menyatakan, “Jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 5.6 peratus kepada 105,044 kelahiran berbanding 111,265 kelahiran pada suku tahun keempat 2023. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 54,126 kelahiran berbanding 50,918 kelahiran. Nisbah jantina bagi kelahiran hidup ialah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 20,006 kelahiran (19.0%) manakala kelahiran hidup terendah direkodkan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan 321 kelahiran (0.3%). Ibu berumur 30-39 tahun mencatatkan kelahiran hidup tertinggi dengan 51,849 kelahiran (49.4%), diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (44.2%), 40 tahun dan lebih (4.3%) dan kurang daripada 20 tahun (2.1%). Berdasarkan data suku tahun keempat 2024, terdapat lima kelahiran yang merekodkan umur ibu yang berumur 55 tahun dan lebih. Secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 48 bayi bagi setiap jam dan 1,142 bayi sehari pada suku tahun keempat 2024”.

Melayu menyumbang 66.2 peratus (69,557 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun keempat 2024 (ST4 2023: 66.5%). Kelahiran hidup bagi etnik Cina dan Bumiputera Lain masing-masing meningkat kepada 11.1 peratus dan 12.6 peratus berbanding 10.0 peratus dan 12.5 peratus pada suku tahun keempat

2023. Sementara itu, etnik India menurun kepada 3.9 peratus berbanding 4.6 peratus pada suku tahun keempat 2023. Bumiputera Sabah menyumbang 58.3 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (35.8%), Bajau (28.8%), Murut (6.7%) dan Bumiputera Sabah lain (28.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (34.0%) terdiri daripada Iban (57.5%), Bidayuh (18.1%), Melanau (12.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (11.8%).

Mengulas lanjut, sebanyak 49,586 kematian telah direkodkan pada suku tahun keempat 2024, meningkat 0.5 peratus berbanding suku tahun keempat 2023 (49,333 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 28,596 manakala 20,990 kematian bagi perempuan. Nisbah jantina bagi kematian ialah 136 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi dengan 7,830 kematian (15.8%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan bilangan kematian terendah dengan 85 kematian (0.2%). Penduduk berumur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi dengan 34,527 kematian (69.6%), diikuti 41-59 tahun (20.9%), 15-40 tahun (7.3%) dan 0-14 tahun (2.1%). Berdasarkan data suku tahun keempat 2024, terdapat 4.4 peratus kematian bagi penduduk berumur 90 tahun dan lebih. Secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, manakala 22 kematian direkodkan setiap jam dan 539 kematian sehari pada suku tahun keempat 2024.


Pada suku tahun keempat 2024, Melayu menyumbang 52.3 peratus (25,931 kematian) daripada jumlah kematian (ST4 2023: 51.0%). Bumiputera Lain, Cina dan India pada suku keempat 2024 masing-masing merekodkan penurunan kepada 10.2 peratus, 26.4 peratus dan 8.4 peratus, berbanding 10.6 peratus, 26.9 peratus dan 8.5 peratus pada tempoh yang sama 2023. Bumiputera Sabah menyumbang 51.8 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (40.4%), Bajau (27.5%), Murut (4.7%) dan Bumiputera Sabah lain (27.4%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (41.8%) terdiri daripada Iban (61.3%), Bidayuh (16.8%), Melanau (12.8%) dan Bumiputera Sarawak lain (9.1%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan

pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2019-2024^p, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun keempat, 2023 dan 2024, Malaysia

Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST4 2023	ST4 2024	ST4 2023	ST4 2024	ST4 2023	ST4 2024
Penduduk (juta)	33.7	34.2	17.7	18.0	16.0	16.2
Kelahiran hidup	111,265	105,044	57,523	54,126	53,742	50,918
Kematian	49,333	49,586	28,148	28,596	21,185	20,990


Carta 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat 2023 dan 2024, Malaysia




Carta 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat 2023 dan 2024, Malaysia



Carta 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat 2023 dan 2024, Malaysia



Carta 5: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
13 FEBRUARI 2025**



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA, FOURTH QUARTER 2024

POPULATION GROWTH RATE DECLINED TO 1.3 PER CENT AS NUMBER OF BIRTHS DECREASED 5.6 PER CENT IN FOURTH QUARTER 2024

PUTRAJAYA, 13th FEBRUARY 2025 - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics that presents statistics of live births, deaths and population in the fourth quarter 2024.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's total population in the fourth quarter 2024 was estimated at 34.2 million as compared to 33.7 million in the fourth quarter 2023 with a slower growth of 1.3 per cent as compared to 2.0 per cent (Q4 2023). Population growth rate declined in tandem with the decreased in the number of live births. The total population comprised 30.8 million (90.1%) Citizens and 3.4 million (9.9%) Non-citizens. Males population increased to 18.0 million from 17.7 million in the fourth quarter 2023 and females rose to 16.2 million from 16.0 million in the same period. The overall sex ratio of population was 111 males per 100 females while sex ratio for Citizens was 103 males per 100 females. The composition of working age population (15-64 years) and old population (65 years and over) increased from 23.6 million (70.0%) and 2.5 million (7.6%) to 24.0 million (70.2%) and 2.6 million (7.7%) in the fourth quarter 2024, respectively. Meanwhile, young age population (0-14 years old) recorded a decrease from 22.4 per cent to 22.2 per cent".

Malay accounted 58.1 per cent of the population in the fourth quarter 2024 (Q4 2023: 58.0%). Indians decreased 6.5 per cent as compared to 6.6 per cent, while Other Bumiputera and Chinese remained unchanged at 12.3 per cent and 22.4 per cent in the same period, respectively. Other Bumiputera consists of Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak and other Bumiputera Peninsular Malaysia. Bumiputera Sabah contributed 56.6 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) and other Sabah Bumiputera (36.7%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (32.4%) comprised Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) and other Sarawak Bumiputera (13.2%).

In addition, Chief Statistician also commented that, “The number of live births recorded a decrease of 5.6 per cent to 105,044 births as compared to 111,265 births in the fourth quarter 2023. Male babies outnumbered female babies with 54,126 births as compared to 50,918 births. Sex ratio of live births was 106 males per 100 females. Selangor recorded the highest live births with 20,006 births (19.0%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest with 321 births (0.3%). Mothers aged 30-39 years recorded the highest live births with 51,849 births (49.4%), followed by mothers aged 20-29 years (44.2%), 40 years and over (4.3%) and less than 20 years (2.1%). Based on data from the fourth quarter of 2024, there were five births that recorded a mother aged 55 years and over. On average, one baby was born per minute, 48 babies per hour and 1,142 babies per day in the fourth quarter 2024”.

Malay contributed 66.2 per cent (69,557 live births) of the total live births in the fourth quarter 2024 (Q4 2023: 66.5%). Live births for Chinese and Other Bumiputera increased to 11.1 per cent and 12.6 per cent, respectively as compared to 10.0 per cent and 12.5 per cent in the fourth quarter 2023. Meanwhile, Indians decreased to 3.9 per cent as compared to 4.6 per cent in the fourth quarter 2023. Bumiputera Sabah contributed 58.3 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (35.8%), Bajau (28.8%), Murut (6.7%) and other Sabah Bumiputera (28.7%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (34.0%) comprised Iban (57.5%), Bidayuh (18.1%), Melanau (12.6%) and other Sarawak Bumiputera (11.8%).

Commenting further, a total of 49,586 deaths were recorded in the fourth quarter 2024, increased 0.5 per cent as compared to the fourth quarter 2023 (49,333 deaths). The number of deaths recorded for males were 28,596, while 20,990 deaths for females. Sex ratio of deaths was 136 males per 100 females. Selangor recorded the highest number of deaths with 7,830 deaths (15.8%), while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 85 deaths (0.2%). Population aged 60 years and over recorded the highest number of deaths with 34,527 deaths (69.6%), followed by 41-59 years (20.9%), 15-40 years (7.3%) and 0-14 years (2.1%). Based on data from the fourth quarter of 2024, there were 4.4 per cent deaths for population aged 90 years and over. On average, one death was recorded in two minutes, 22 deaths per hour and 539 deaths per day in the fourth quarter 2024.

In the fourth quarter 2024, Malay registered 52.3 per cent (25,931 deaths) of total number of deaths (Q4 2023: 51.0%). Other Bumiputera, Chinese and Indians in fourth quarter 2024 recorded a decrease to 10.2 per cent, 26.4 per cent and 8.4 per cent, respectively as compared to 10.6 per cent, 26.9 per cent and 8.5 per cent in the same period of 2023. Bumiputera Sabah contributed 51.8 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (40.4%), Bajau (27.5%), Murut (4.7%) and other Sabah Bumiputera (27.4%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (41.8%) comprised Iban (61.3%), Bidayuh (16.8%), Melanau (12.8%) and other Sarawak Bumiputera (9.1%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2019-2024^p, Malaysia




Table 1: Demographic statistics for fourth quarter, 2023 and 2024, Malaysia

Year	Total		Male		Female	
	Q4 2023	Q4 2024	Q4 2023	Q4 2024	Q4 2023	Q4 2024
Population (million)	33.7	34.2	17.7	18.0	16.0	16.2
Live births	111,265	105,044	57,523	54,126	53,742	50,918
Deaths	49,333	49,586	28,148	28,596	21,185	20,990

Chart 2: Citizens by ethnic group, fourth quarter 2023 and 2024, Malaysia




Chart 3: Live births by ethnic group, fourth quarter 2023 and 2024, Malaysia




Chart 4: Deaths by ethnic group, fourth quarter 2023 and 2024, Malaysia





Chart 5: Demographic transition, Malaysia, 1911-2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13th FEBRUARY 2025